



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

PEKELILING BILANGAN 1 TAHUN 2010

PELAKSANAAN DASAR PENUKARAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN KEPADA BIASISWA BAGI PELAJAR-PELAJAR YANG MENDAPAT IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN KELAS PERTAMA ATAU SETARAF DENGANNYA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan dasar penukaran pembiayaan pendidikan kepada biasiswa bagi pelajar-pelajar yang berjaya menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan memperolehi Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya bermula 1 Januari 2010.

LATAR BELAKANG

2. Semasa sesi pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009, Y.A.B. Perdana Menteri telah mengumumkan supaya pembiayaan pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ditukar kepada biasiswa. Insentif ini bagi pelajar yang berjaya menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan memperolehi Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya bermula tahun 2010.

PELAKSANAAN

3. Pelajar-pelajar yang menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan memperolehi Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya bermula 1 Januari 2010 berdasarkan Kelulusan Senat dan memenuhi syarat-syarat berikut adalah layak dipertimbangkan pemberian insentif penukaran pembiayaan pendidikan kepada biasiswa:

- (i) Mengikuti kursus secara sepenuh masa;
- (ii) Berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam dokumen perjanjian pembiayaan pendidikan PTPTN;
- (iii) Pembiayaan pendidikan PTPTN tidak bertindih dengan sebarang penajaan lain;
- (iv) Pelajar hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap kepada PTPTN dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh pengijazahan semasa konvokesyen; dan
- (v) Kursus yang diikuti oleh pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) telah memperolehi Sijil Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

4. Pelajar yang berhasrat mendapatkan kemudahan ini perlu mengemukakan surat permohonan rasmi kepada PTPTN dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:

- (i) Sesalinan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya yang disahkan oleh Bahagian Akademik IPTA/IPTS berkaitan;
- (ii) Sesalinan transkrip keputusan peperiksaan yang disahkan oleh Bahagian Akademik IPTA/IPTS berkaitan;
- (iii) Aduan Pelajar yang telah lengkap diisi seperti dikepalkan (boleh dimuat turun di laman web PTPTN); dan
- (iv) Sesalinan Sijil Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

5. Pelajar-pelajar yang menerima penajaan lain dan bertindih dengan pembiayaan pendidikan PTPTN, menukar jurusan, peringkat pengajian dan IPT tanpa kelulusan PTPTN atau melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan dalam perjanjian pembiayaan pendidikan PTPTN, tidak akan dipertimbangkan untuk kemudahan ini.

6. Pelajar-pelajar perlu membuat bayaran balik sepertimana yang ditetapkan sehingga permohonan penukaran pembiayaan pendidikan PTPTN kepada biasiswa diluluskan. Bagi mana-mana pelajar yang diluluskan dan telah membuat bayaran balik pembiayaan pendidikan secara penuh/sebahagian, PTPTN akan membuat pemulangan kepada pelajar tersebut setelah ditolak apa-apa kos yang berkaitan (jika ada).

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini mula berkuatkuasa mulai **1 Januari 2010**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(WAN AHMAD BIN WAN YUSOFF)

Pemangku Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Tarikh: 28 Jun 2010



BORANG AKUAN PELAJAR

PERMOHONAN PENGECCUALIAN BAYARAN BALIK PINJAMAN/PEMBIAYAAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

Tarikh:.....

No. Kad Pengenalan:.....

Nama:.....

Alamat:.....

Emel :

.....

H/P :

.....

.....

IPT :

Kursus:

(Sila nyatakan kursus ijazah sarjana muda yang dipohon pengecualian bayaran balik)

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah mendapat kelas pertama atau pencapaian yang setaraf dengannya bagi ijazah sarjana muda seperti yang dinyatakan di atas. Segala maklumat yang dikemukakan oleh saya adalah benar dan saya adalah tidak tertakluk kepada mana-mana perkara yang boleh membatalkan permohonan pengecualian bayaran balik seperti yang tercatat di bawah;

- a) Mempunyai penaja lain selain daripada PTPTN bagi program ijazah sarjana muda yang sama.
- b) Gagal menghabiskan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan berdasarkan surat tawaran pengajian dan perjanjian pinjaman PTPTN.

Saya juga maklum bahawa saya boleh didakwa dan pengecualian bayaran balik pinjaman ditarik balik sekiranya didapati memalsukan sebarang maklumat yang berkaitan dengan pengajian dan permohonan saya ini.

.....
(Tandatangan Pelajar)